مجليس ڤربندرن كوتا بهارو بندر راي إسلام

# MESYUARAT MAYA

PASTIKAN MAKLUMAT SELAMAT !

## PENGGUNA

1. **Pastikan** persekitaran yang selamat dan privasi semasa sesi mesyuarat
2. **Elakkan** memapar inbox e-mel atau maklumat sulit ketika mod perkongsian skirn
3. **Pastikan** dekstop PC sesuai untuk paparan umum sebelum memulakan mod perkongsian skrin
4. **Elakkan** perkongsian dokumen sulit dan sensitif
5. **Gunakan** latar belakang yang sesuai dengan menggunakan kemudahan virtual background
6. **Tidak** kongsi pautan persidangan video, ID dan kata laluan kepada bukan ahli mesyuarat
7. **Gunakan** perisian persidangan video yang sahih dan terkini dengan ciri-ciri keselamatan

## PENGENDALI MESYUARAT

1. **Pantau** sesi mesyuarat maya dan pastikan kehadiran ahli yang dibenarkan sahaja dengan menggunakan fungsi Waiting Room
2. **Pastikan** simpanan fail rakaman mesyuarat dilindungi daripada capaian yang tidak sah

Disediakan oleh :
Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Kota Bharu
Bandar Raya Islam

مجليس ڤربندرن كوت بهارو بندر راي إسلام



**PANDUAN KESELAMATAN ICT MPKB-BRI (KAKITANGAN)**

# PENGGUNAAN E-MEL

***Setiap kakitangan perlu sentiasa memastikan akaun e-mel MPKB-BRI yang diperuntukkan digunakan dengan berhemah dengan memastikan :***

- ***Kata laluan sementara ditukar kepada kata laluan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan.***
- ***Kandungan e-mel yang dihantar tidak bercanggah dengan peraturan jabatan.***
- ***E-mel daripada penghantar tidak diketahui atau diragui dibuka.***
- ***Maklumat sulit seperti kata laluan (cth: akaun e-mel, bank) atau maklumat peribadi (cth:no KP) tidak diberi melalui e-mel.***
- ***Setiap e-mel yang diterima diperiksa dan dipastikan ia bukan palsu atau berbentuk penipuan sebelum diberi maklum balas.***

Disediakan oleh :
Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Kota Bharu
Bandar Raya Islam

مجليس ڤربندرن کوتا بهارو بندر راي إسلام

PANDUAN KESELAMATAN ICT MPKB-BRI (KAKITANGAN)

# PENGGUNAAN KEMUDAHAN RANGKAIAN MPKB-BRI

**Kakitangan diberi kemudahan capaian ke rangkaian MPKB-BRI sama ada berwayar (wired) atau tanpa wayar (wireless) sepanjang tempoh perkhidmatan dan perlu sentiasa mematuhi peraturan keselamatan berikut:**

- **Membuat sambungan ke rangkaian MPKB-BRI menggunakan peranti elektronik seperti hub, switch, router adalah tidak dibenarkan.**
- **Penggunaan perisian seperti penganalisis rangkaian atau sniffer adalah tidak dibenarkan.**
- **Melaksanakan sebaran bentuk pemantauan rangkaian (network monitoring) bagi mencuri atau memintas data yang bukan ditujukan kepadanya adalah tidak dibenarkan.**
- **Memastikan komputer atau peralatan ICT yang disambung kepada rangkaian UKM diselenggara dengan baik dan bebas daripada malware atau virus.**

Disediakan oleh :
Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Kota Bharu
Bandar Raya Islam

مجليس ڤربندرن كوتا بهارو بندر راي إسلام

**PANDUAN KESELAMATAN ICT MPKB-BRI (KAKITANGAN)**

# PENGGUNAAN INTERNET DAN INTRANET MPKB-BRI

**Kakitangan hendaklah menggunakan internet dengan berhemah dan secara positif. Kakitangan perlu mengambil maklum bahawa adalah menjadi kesalahan untuk:**

- **Melayari laman-laman web yang tidak dibenarkan seperti laman pornografi atau laman yang tidak selamat ( cth: laman yang disyaki menyebarkan malware)**
- **Memuat turun perisian komersial stau bahan yang mempunyai hakcipta tanpa kebenaran pemiliknya seperti filem atau perisian komputer.**
- **Mengganggu atau menceroboh sistem serta laman web jabatan atau organisasi lain sama ada di dalam atau di luar negara.**
- **Menyalur sebarang bahan haram, lucah, mengancam, menekan, mengugu, menghina, memfitnah atau menabur perasaan benci sesama rakyat Malaysia atau luar negara.**
- **Menjadikan sosial media ( facebook, twitter, instagram dsb) sebagai medium untuk menyebarkan fitnah dan hasutan, pengaduhan, dan perkara yang boleh membawa kerosakan kepada jabatan dan masyarakat.**



Disediakan oleh :
Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Kota Bharu
Bandar Raya Islam

مجليس ڤربندرن كوتا بهارو بندر راي إسلام




## LINDUNGI DATA ANDA

## TUKAR KATA LALUAN SECARA BERKALA

## PILIH KATA LALUAN YANG KUKUH




Panjang sekurang-kurangnya lapan 8 (aksara) dengan gabungan huruf, nombor, atau simbol



Tidak berdasarkan maklumat yang mudah diteka



Pastikan tidak pilih kata laluan yang sama untuk semua kaun

Disediakan oleh :
Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Kota Bharu
Bandar Raya Islam

مجليس ڤربندرن کوتا بهارو بندر راي إسلام




# MALWARE

***Malware* adalah kod berbahaya seperti Virus, Worm, dan Trojan Horses yang direka untuk membahayakan komputer anda. Ia boleh menjadi aktif atau tersembunyi.**

### *Beberapa Tanda Biasa Malware :*

- ***Komputer anda lebih lambat dari dulu***
- ***Komputer anda terhenti tanpa sebab***
- ***Program anda tidak berfungsi dengan betul***
- ***Mesej pelik muncul***

### *Bagaimanakah caranya Mencegah Serangan Malware?*

- ***Kemas kini antivirus anda dengan patch terkini***
- ***Kemas kini sistem operasi anda dengan patch terkini***
- ***Gunakan firewall internet***
- ***Jangan buka lampiran dari sumber yang tidak dikenali***

Disediakan oleh :
Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Kota Bharu
Bandar Raya Islam



# SENARAI SEMAK KESELAMATAN KOMPUTER ANDA

- *Pasang dan gunakan firewall*
- *Kemas kini perisian anda*
- *Gunakan perisian antivirus yang dikemas kini*
- *Imbas semua lampiran e-mel*
- *Imbas semua pemacu luaran anda (pemacu thumbdrive, kad memori atau cakera keras)*
- *Buat sandaran fail dalam komputer anda*
- *Cipta dan gunakan kata laluan yang sukar untuk diteka dan tukar selalu*

Disediakan oleh :
Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Kota Bharu
Bandar Raya Islam

مجليس ڤربندرن کوتا بهارو بندر راي إسلام




# BERHATI-HATI DENGAN SPYWARE

***SPYWARE* adalah perisian yang melakukan tugas tertentu pada komputer anda tanpa anda ketahui. Ini termasuk memberikan anda pengiklanan dan mengumpul maklumat peribadi mengenai anda**

- ***Gunakan firewall***
- ***Laraskan tetapan keselamatan bagi penyemak imbas anda untuk zon pasangkan dan kemaskini perisian antivirus anda***
- ***Muat turun perisian dari laman web yang anda percayai sahaja***

Disediakan oleh :
Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Kota Bharu
Bandar Raya Islam